

Uji semangat setia kawan MCA, Pas

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai bakal menjadi pentas untuk menguji semangat setia kawan di antara parti komponen Barisan Nasional (BN) dan Muafakat Nasional.

Pensyarah Kanan Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Syed Agil Syed Alsagoff berkata, ini kerana mengikut komposisi orang Melayu merupakan penduduk paling ramai di kawasan berkenaan dan meletakkan calon bangsa tersebut merupakan satu kelebihan.

Ujarnya, peluang BN untuk merampas kerusi Parlimen di situ dari Pakatan Harapan (PH)

nampak cerah susulan daripada kerjasama dijalinkan dengan Pas melalui Muafakat Nasional.

“Kena ada semangat setia kawan, yang penting menang, bukan siapa yang layak bertanding. Dalam kes ini kena hormat apa juga keputusan dibuat BN.

“Ini adalah sebagai satu peluang kepada UMNO untuk mengetengahkan calon dia dan menunjukkan aspirasi daripada kerjasama UMNO dan Pas,” katanya ketika dihu-

bungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Semalam, sebanyak 88 ketua cawangan UMNO Tanjung Piai meluluskan resolusi mendesak kerusi Parlimen tersebut diserahkan kepada UMNO.



**SYED AGIL SYED
ALSAGOFF**